

Malaysia catat 3,288 kes baharu

Melibatkan 1,889 warga tempatan dan 1,394 bukan warganegara manakala lima kes lagi merupakan kes import

KUALA LUMPUR

Negara merekodkan jumlah kumulatif keseluruhan kes sebanyak 251,604 kes, dengan pertambahan 3,288 kes baharu dalam tempoh 24 jam lepas.

Ketua Pengarah Kesihatan,

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi Twitter rasmi beliau pada Rabu berkata, 3,283 kes adalah penularan tempatan melibatkan 1,889 warga tempatan dan 1,394 bukan warganegara manakala lima kes lagi merupakan kes import melibatkan tiga warga tempatan dan dua warga asing.

"Kes aktif dengan kebolehan jangkitan kini berjumlah 52,186 kes manakala dalam tempoh sama 14 kes kematian melibatkan warga tempatan dilaporkan hari ini (Rabu), menjadikan jumlah kes kematian Covid-19 di negara ini direkodkan sebanyak 923 kes," katanya.

Beliau berkata, terdapat

1,929 kes sembuh pada Rabu menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh daripada Covid-19 di Malaysia adalah 198,495 kes.

Dr Noor Hisham berkata, 285 kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 131 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Mengenai kes kematian baharu, Dr Noor Hisham dalam kenyataan berkata, Selangor mencatatkan lima kes, Sabah (4), Johor (2) dan masing-masing satu kes di Kedah, Kuala Lumpur dan Putrajaya, melibatkan mereka yang berumur antara 36 dan 94 tahun.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, 11 kluster

baharu dikenal pasti dengan melibatkan tujuh kluster berkaitan tempat kerja dan masing-masing dua kluster melibatkan komuniti dan kumpulan berisiko tinggi.

Kluster tempat kerja di Selangor melibatkan Industri Wawasan, Batu 20 dan Tapak Bina Persiaran Sepang; Tapak Bina Jalan Tandok dan Jalan Dua Belas (Kuala Lumpur); Jalan Tiga KKIP (Sabah); serta Jalan Uda Utama di Johor.

Selain itu, terdapat dua kluster komuniti di Johor iaitu Jalan Kancil Waha dan Lorong Sahabat manakala dua lagi kluster kumpulan berisiko tinggi iaitu Lorong Bersatu Damai (Sabah)

serta Jalan Harun di Kuala Lumpur.


"Jumlah kluster aktif kini 466 kluster dengan 82 daripadanya mencatatkan pertambahan kes baharu hari ini (Rabu). Kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pula Kluster Tanjung Suria (356 kes), Kluster Persiaran Perkilangan (319 kes), dan Kluster Jalan Cochrane (104 kes)," katanya.

Beliau berkata, setakat ini, 465 kluster telah tamat termasuk empat yang diisytiharkan tamat pada Rabu iaitu Kluster Jalan Genting, Kluster Harum, Kluster Medan Idaman dan Kluster Wakaf Lanas. - Bernama


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 10 Februari 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 248,316 kes kepada 251,604 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	251,604	PULIH:	198,495	ICU:	285	KEMATIAN:	923	KES BAHARU	+3,288
---------------------	---------	--------	---------	------	-----	-----------	-----	------------	--------

